

Untung Matrix Concepts melonjak 52 peratus

[FOTO HAZREEN MOHAMAD/BH]

Walaupun berdepan kelembapan pasaran harta tanah, Matrix Concepts Holdings Bhd, mencatatkan keuntungan bersih RM260.9 juta dan pendapatan sebanyak RM912.2 juta bagi tahun kewangan berakhir Mac lalu.

Pengerusinya, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin, berkata keuntungan bersih dan pendapatan itu meningkat masing-masing sebanyak 52 peratus dan 43 peratus, berbanding tahun sebelumnya.

“Pada tahun 2014, Matrix Concepts mencatatkan keuntungan bersih RM182.2 juta dan pendapatan (RM598.8 juta) dan kita gembira mengumumkan berjaya merekodkan peningkatan yang besar walaupun berdepan keadaan pasaran yang agak lemah.

“Kejayaan ini adalah hasil perancangan rapi dalam menyediakan kawasan perumahan yang berkualiti dengan kaedah pemasaran yang sesuai, terutama membabitkan penetapan harga yang mampu milik,” katanya pada sidang media selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di Seremban, semalam.

Yang turut hadir Pengarah Urusan Kumpulan Matrix Concepts, Datuk Lee Tian Hock.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, pihaknya menyasarkan prestasi yang sama pada tahun

kewangan 2017 dan 2018 dengan sasaran keuntungan dan pendapatan meningkat berbanding dicatatkan ketika ini.


Beliau berkata, syarikat itu akan terus memberi penekanan terhadap penetapan harga kediaman bagi memberi peluang kepada lebih ramai memiliki rumah sendiri di sebuah kawasan bandar perumahan yang bersepadu dan lengkap dengan semua kemudahan.

Permintaan tinggi

Katanya, projek utama syarikat itu di Bandar Seri Sendayan, Seremban mendapat permintaan tinggi pasaran dan populasi di kawasan itu ketika ini melebihi 30,000 orang.

Sementara itu, Tian Hock berkata, syarikat itu turut memberi tumpuan terhadap pembinaan rumah mampu milik yang mendapat permintaan tinggi daripada masyarakat dan sebagai salah satu tanggungjawab sosial korporat pihaknya.

“Kita sentiasa pastikan setiap projek mempunyai rumah mampu milik dan tidak hanya memberi tumpuan kepada pembinaan kediaman mewah sahaja. Malah, kita membina lebih 3,000 unit rumah mampu milik di sebuah kawasan berhampiran Bandar Seri Sendayan di sini, tidak lama lagi,” katanya.



Mohamad Haslah (kiri) bersama Tian Hock menunjukkan buku laporan Matrix Concepts Holdings Bhd selepas mesyuarat agung tahunan Matrix Concepts Holdings Bhd di Seremban, semalam.